



GARIS PANDUAN PENSIJILAN UKUR BAHAN: PENGURUS TUNTUTAN KONTRAK

CAWANGAN KONTRAK & UKUR BAHAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA



PROGRAM PENSIJILAN UKUR BAHAN
PENSIJILAN PENGURUS TUNTUTAN KONTRAK

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN

2.0 OBJEKTIF

3.0 TAHAP PENSIJILAN

4.0 KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN

5.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN BIASA)

6.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN KHAS)

7.0 CARA MEMOHON

8.0 LATIHAN

9.0 PENILAIAN

10.0 LAMPIRAN

Lampiran 1 - Modul Pensijilan

Lampiran 2 - Borang Permohonan Untuk Pentauliahan Bagi Program
Pensijilan

Lampiran 3 - Senarai Semak Bagi Pematuhan Syarat-syarat Permohonan

PROGRAM PENSIJILAN UKUR BAHAN
PENSIJILAN PENGURUS TUNTUTAN KONTRAK

1.0 PENGENALAN

Program Pensijilan Pengurus Tuntutan Kontrak (*Contract Claim Manager*) merupakan pensijilan yang menawarkan pensijilan kepada Juruukur Bahan yang berpengalaman dalam mengendalikan tuntutan di sepanjang perkhidmatan sebagai Juruukur Bahan.

Melalui pentauliahan ini, Juruukur Bahan akan lebih berperanan di dalam melaksanakan tanggungjawab profesional dan seterusnya membantu Jabatan dalam memberikan nasihat berkaitan tuntutan kontrak Kerajaan seperti Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan akibat lanjutan Masa dan tuntutan-tuntutan lain berkaitan dengan kontrak.

Ini merupakan usaha Jabatan selaras dengan Pelan Strategik JKR untuk melahirkan lebih ramai Juruukur Bahan berkepakaran dalam bidang khusus.

2.0 OBJEKTIF

Pensijilan Pengurus Tuntutan Kontrak ini adalah untuk :-

- i) Memastikan Juruukur Bahan mempunyai pengetahuan dan kepakaran untuk mengurus serta mentadbir tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan tersebut dengan baik;
- ii) Menghasilkan pegawai yang boleh dirujuk dan amalan terbaik untuk mengurus serta menyelesaikan tuntutan ganti rugi kontraktor tersebut;
- iii) Memastikan penilaian tuntutan kontraktor dinilai dengan tepat dan adil;

- iv) Mempercepatkan proses penutupan akaun projek;
- v) Memastikan pertikaian tidak berpanjangan;
- vi) Mewujudkan peluang pembangunan kerjaya di samping dapat meningkatkan keupayaan, keyakinan diri dan kepuasan individu.

3.0 TAHAP PENSIJILAN

Penetapan tahap Pensijilan Pengurus Perolehan ini adalah merujuk kepada MODEL COMPETENCY & DICTIONARY JKR 293-006-11. Tahap pengkelasan adalah terdiri daripada tiga (3) tahap pengkelasan. Tahap pengkelasan adalah terdiri daripada Tahap 2 - *Basic*, Tahap 3 - *Competent* dan Tahap 4 – *Proficient*.

Sijil-sijil akan diberi sejajar dengan tahap pengkelasan tertentu dan akan diberi gelaran seperti berikut:-

3.1 Sijil Tuntutan Kontrak (*Certificate in Contract Claim*) Tahap 2

3.2 Sijil Lanjutan Tuntutan Kontrak (*Advance Certificate Contract Claim*) Tahap 3

3.3 Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah (*Certified Contract Claim Manager*) Tahap 4

Pensijilan Pengurus Tuntutan Kontrak Tahap 4 bukan sahaja mentauliahkan seseorang Juruukur Bahan itu *Proficient* tetapi juga memantapkan pengetahuan pegawai tersebut menuju laluan nya *Subject Matter Expert* (SME) dalam penilaian Tuntutan Kontrak.

4.0 KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN

Calon hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menguruskan tuntutan kontrak Kerajaan di sepanjang berkhidmat sebagai Juruukur Bahan.

Ciri-ciri kekompetenan yang dijangka dimiliki adalah seperti berikut :-

- i) Berkemahiran dalam menilai, menyediakan laporan dan menguruskan tuntutan kontrak Kerajaan;
- ii) Mengenalpasti masalah dan berkebolehan menangani masalah berkaitan tuntutan kontrak Kerajaan;
- iii) Berkebolehan menjalankan tugas tanpa pengawasan;
- iv) Berkebolehan membentang dan menjustifikasi penilaian tuntutan di mana-mana forum;
- v) Berkebolehan menjadi saksi pakar di mana-mana prosiding perundangan.

Skop pengetahuan bagi tahap-tahap pensijilan yang berkaitan adalah seperti berikut:-

4.1 Sijil Tuntutan Kontrak (*Certificate Contract Claim*) Tahap 2

Pada tahap ini calon akan berkebolehan seperti berikut :-

- a) Mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam menyelesaikan kes tuntutan Kontraktor;
- b) Mengurus serta mentadbir tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan dengan baik;

- c) Lebih yakin dan dapat membantu Pegawai Penguasa/Pengarah Projek dalam penyediaan semua dokumen penting untuk tuntutan.

Butiran Modul persijilan adalah seperti di Lampiran 1.

4.2 **Sijil Lanjutan Tuntutan Kontrak (*Advance Certificate Contract Claim*) Tahap 3**

Pada tahap ini, calon mampu untuk menyelesaikan masalah dan dapat menyumbang perkara-perkara berikut :-

- a) Penilaian Tuntutan boleh dilaksanakan dengan tepat. Hasilnya ialah penjimatan wang Kerajaan disebabkan oleh ketepatan penilaian tuntutan Kontraktor kepada Kerajaan;
- b) Dapat mengendalikan kes tuntutan dari awal hingga akhir dalam membantu Pegawai Penguasa/Pengarah Projek.

Butiran Modul persijilan adalah seperti di Lampiran 1.

4.3 **Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah (*Certified Contract Claim Manager*) Tahap 4**

Pada tahap ini calon akan berkemampuan seperti berikut :-

- a) Boleh menjadi pakar rujuk di peringkat Agensi/Jabatan/Kementerian Bertindak sebagai mekanisme pencegahan daripada tuntutan bayaran yang tiada asas/bukti kukuh di kemukakan;
- b) Membantu JKR dan menjadi pakar rujuk dalam kes tuntutan JKR.

Butiran modul adalah seperti di Lampiran 1.

5.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN BIASA)

Calon berminat boleh memohon dengan memenuhi syarat yang ditetapkan:-

5.1 Sijil Tuntutan Kontrak (*Certificate Contract Claim*) Tahap 2

5.1.1 Kumpulan Pelaksana

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- a) Memegang jawatan sekurang-kurangnya Penolong Juruukur Bahan Gred JA 29;
- b) Pengalaman bekerja sebagai Penolong Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum lima (5) tahun;
- a) Telah hadir kursus Pentadbiran Kontrak yang telah dikenalpasti anjuran CREATE, LBJM ataupun Swasta;

5.1.2 Kumpulan Pengurusan & Profesional

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- b) Pengalaman bekerja sebagai Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum tiga (3) tahun;
- c) Telah hadir kursus Pentadbiran Kontrak yang telah dikenalpasti anjuran CREATE, LBJM ataupun Swasta;
- d) Berdaftar dengan LBJM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional (*Provisional Quantity Surveyor*).

5.2 Sijil Lanjutan Tuntutan Kontrak (*Advance Certificate Contract Claim*) Tahap 3

5.2.1 Kumpulan Pelaksana

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- a) Pengalaman bekerja sebagai Penolong Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan lapan (8) tahun dan mempunyai sekurang-

kurangnya Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan atau setaraf dengannya;

- b) Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai, Juruukur Bahan Provisional (*Provisional Quantity Surveyor*);
- c) Calon telah lulus kursus Tahap 2;

5.2.2 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- a) Pengalaman bekerja sebagai Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum tujuh (7) tahun;
- b) Pengalaman menguruskan pentadbiran Kontrak di peringkat pra dan pos kontrak dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- c) Telah lulus kursus Tahap 2;
- d) Pengalaman Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional (*Provisional Quantity Surveyor*).

5.3 Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah (Certified Contract Claim Manager) Tahap 4

Calon mestilah memenuhi kriteria berikut:-

- a) Pengalaman bekerja sebagai Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum sepuluh (10) tahun;
- b) Pengalaman menguruskan pentadbiran Kontrak di peringkat pra dan pos kontrak dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;

- c) Calon telah lulus kursus Tahap 3;
- d) Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LBJM) sebagai Juruukur Bahan Profesional (*Professional Quantity Surveyor (PQS)*) ataupun Juruukur Bahan Konsultan (*Consultant Quantity Surveyor (CQS)*);
- e) Berpengalaman menjadi penceramah/fasilitator ATAU membuat pembentangan kerja dalam bidang tuntutan di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian;
- f) Berpengalaman dalam menyediakan garis panduan ATAU menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam bidang tuntutan di peringkat Jabatan/ Agensi/Kementerian.

6.0 SYARAT PERMOHONAN (LALUAN KHAS)

Calon juga boleh dikecualikan daripada tahap-tahap tertentu di atas melalui Laluan Khas. Permohonan boleh dipertimbangkan oleh Panel Bidang Kepakaran dengan syarat pemohon perlu mengemukakan pembuktian seperti berikut:

6.1 Laluan Khas Ke Tahap 3

- a. Memegang Jawatan Juruukur bahan Gred 48, 52 atau 54.
- b. Mempunyai pengalaman seperti berikut :-
 - i) Mempunyai pengalaman bekerja selama lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional DAN
 - ii) Mempunyai pengalaman berikut :-

- a. Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan. Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; ATAU
- b. Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel
- c. Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai, Juruukur Bahan Profesional (*Professional Quantity Surveyor (PQS)*) ataupun Juruukur Bahan Konsultan (*Consultant Quantity Surveyor (CQS)*)
- d. Calon-calon dikehendaki untuk mengemukakan bukti-bukti lanjut sekiranya diperlukan oleh Panel Bidang Kepakaran dan penilaian adalah berdasarkan temuduga/temubual

6.3 Laluan Khas Ke Tahap 4

- a. Memegang Jawatan Juruukur bahan Gred 48, 52 atau 54.
- b. Mempunyai pengalaman seperti berikut :-
 - i) Mempunyai pengalaman bekerja selama lapan (10) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional DAN
 - ii) Mempunyai pengalaman berikut :-
 - a. Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan.

Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; DAN

- b. Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel
- c. Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai, Juruukur Bahan Profesional (*Professional Quantity Surveyor (PQS)*) ataupun Juruukur Bahan Konsultan (*Consultant Quantity Surveyor (CQS)*).
- d. Calon-calon dikehendaki untuk mengemukakan bukti-bukti lanjut sekiranya diperlukan oleh Panel Bidang Kepakaran dan penilaian adalah berdasarkan temuduga/temubual

6.4 Laluan Khas Bagi Calon Yang Diperakukan Oleh Ketua Disiplin

- a. Calon yang diperakukan oleh Ketua Disiplin berdasarkan pengalaman dan perkhidmatan dalam bidang tuntutan kontrak.
- b. Calon-calon dikehendaki untuk mengemukakan bukti-bukti lanjut sekiranya diperlukan oleh Panel Bidang Kepakaran dan penilaian adalah berdasarkan temuduga/temubual.

7.0 CARA MEMOHON

Hebahan program akan dibuat melalui :

- i) Laman Web JKR
- ii) Surat Jemputan calon kepada Ketua Jabatan

Pertanyaan dan borang permohonan seperti di Lampiran A yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

Makmal Penyelidikan Ukur Bahan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE),
Jabatan Kerja Raya Malaysia,
Jalan Kemus, Simpang Ampat,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

Carta alir permohonan untuk pentauliahan bagi program pensijilan adalah seperti di Lampiran 3.

8.0 LATIHAN

Program ini akan dikendalikan mengikut modul kursus teknikal yang telah digubal dengan merujuk kepada kursus anjuran CREaTE dan juga CAWANGAN KONTRAK & UKUR BAHAN.

Senarai kursus berkaitan keseluruhan program adalah seperti di Lampiran 1.

9.0 PENILAIAN

Pentauliahahan pensijilan akan dinilai berdasarkan perkara-perkara berikut:-

9.1 Sijil Tuntutan Kontrak (*Certificate Contract Claim*) Tahap 2

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Lulus ujian pensijilan.

9.2 Sijil Lanjutan Tuntutan Kontrak (*Advance Certificate Contract Claim*) Tahap 3

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Lulus ujian pensijilan.

9.3 Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah (*Certified Contractual Claim Manager*) Tahap 4

- a) Kehadiran penuh sepanjang tempoh berkursus;
- b) Menyediakan laporan kajian kes berdasarkan kes sebenar dan penyediaan laporan penilaian tuntutan Kontrak oleh pihak Kontraktor (beserta pembuktian) dan disahkan oleh Ketua Bahagian/Pengarah Berkenaan dalam tempoh lapan (8) bulan yang dikira dari hari akhir kursus tahap 4.
- c) Lulus pembentangan Kajian Kes dan Laporan Penilaian Tuntutan Kontrak.

Pembahagian markah penilaian adalah seperti berikut:-

a) Tahap 2

Program Pensijilan	Kriteria	Markah
Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah		
	Menghadiri penuh kursus	Wajib
	Pembentangan individu/ kumpulan Kajian Kes kepada panel penilai	100%

b) Tahap 3

Program Pensijilan	Kriteria	Markah
Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah		
	Menghadiri penuh kursus	Wajib
	Laporan Penilaian Tuntutan Kontrak secara berkumpulan (berdasarkan Kajian Kes semasa kursus)	70%
	Pembentangan individu/ kumpulan Kajian Kes kepada panel penilai	30%

c) Tahap 4

Program Pensijilan	Kriteria	Markah
Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah		
	Menghadiri penuh kursus	Wajib
	Laporan Penilaian Tuntutan Kontrak secara individu (berdasarkan kes sebenar dan mengemukakan pembuktian)	70%
	Pembentangan individu kepada panel penilai	30%

d) Tahap 3 (Laluan Khas)

Program Pensijilan	Kriteria	Markah
Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah		
	a. Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan. Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; ATAU b. Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel	80%
	Lulus sesi temuduga dengan panel penilai (20%)	20%

e) Tahap 4 (Laluan Khas)

Program Pensijilan	Kriteria	Markah
Pengurus Tuntutan Kontrak Bertauliah		
	a. Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan. Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; DAN	80%

	b. Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel	
	Lulus sesi temuduga dengan panel penilai	20%

Calon mestilah memperolehi markah keseluruhan **sekurang-kurangnya 80%** untuk melayakkan memperolehi pensijilan ini.

Sijil Tuntutan Kontrak (*Certificate Contract Claim*) Tahap 2

Masa	Objektif pengajaran	Topik/Kandungan Subjek/Silibus	Kaedah/ Methodology
HARI PERTAMA			
2 Jam	Memberi Kefahaman Asas Berkaitan Dengan Tuntutan Berdasarkan Prinsip Perundangan Dan Syarat-syarat Kontrak Dan Pekeliling Sediada	Pengenalan	Syarahan
2 Jam	Memberi Kefahaman Kepada Jenis-jenis Kepala Tuntutan Yang Layak Dituntut	Butir-butir Kepala Tuntutan Yang Lazim, Bukti-bukti Yang Berkaitan Dan Kaedah Penilaian	Syarahan
2 Jam	Memberi kefahaman kepada tuntutan akibat dari Lanjutan masa berdasarkan syarat-syarat kontrak JKR	Tuntutan Gantirugi Akibat Lanjutan Masa	Syarahan
HARI KEDUA			
2 Jam	Memberi kefahaman kepada lain-lain kepala tuntutan yang layak dituntut	Lain-Lain kepala tuntutan	Syarahan
2 Jam	Memberi kefahaman penyediaan laporan penilaian tuntutan	Penilaian tuntutan	Syarahan
2 Jam	Memberi kefahaman penyediaan laporan penilaian tuntutan	Penilaian Tuntutan	Syarahan
HARI KETIGA			
6 Jam	Menguji kefahaman peserta secara individu/kumpulan	Pembentangan Oleh Calon	Kajian Kes

Sijil Lanjutan Tuntutan Kontrak (*Advance Certificate Contract Claim*) Tahap 3

Masa	Objektif pengajaran	Topik/Kandungan Subjek/Silibus	Kaedah/ Methodology
HARI PERTAMA			
2 Jam	Kefahaman Syarat Kontrak JKR 203,203A& DB di sisi undang-undang	Pengenalan	Syarahan
2 Jam	Kefahaman syarat kontrak berkaitan Pemilikan tapakbina, insuran dan Bon pelaksanaan serta kedudukan disisi undang-undang	Kefahaman Syarat Kontrak & isu Perundangan berkaitan Pemilikan tapakbina, Insuran, Bon Pelaksanaan	Syarahan
2 jam	Kefahaman berkaitan klausa syarat kontrak dan undang-undang berkaitan Bayaran kemajuan, Perubahan Kerja,	Bayaran kemajuan, Perubahan Kerja,	Syarahan
HARI KEDUA			
2 Jam	Kefahaman Syarat Kontrak berkaitan Lanjutan Masa, Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan Di sisi Undang-Undang	Lanjutan Masa, Denda Gantirugi Tertentu Dan ditetapkan Di sisi Undang-Undang	Syarahan
2 Jam	Kefahaman Syarat Kontrak berkaitan Penamatan dan Siap Kerja dan kaitan Di sisi Undang-Undang	Penamatan, Siap Kerja Di sisi Undang-Undang	Syarahan
2 jam	Kefahaman berkaitan klausa Perakuan Muktamad dan kaitan disisi undang-undang	Perakuan Muktamad & undang-undang	Syarahan
HARI KETIGA			
6 jam	Memberi kefahaman penyediaan laporan penilaian tuntutan	Kajian Kes	Pembentangan Oleh Calon
HARI KEEMPAT			
4 jam	Memberi kefahaman penyediaan laporan penilaian tuntutan	Kajian Kes	Pembentangan Oleh Calon

PENGURUS TUNTUTAN KONTRAK BERTAULIAH (*CERTIFIED CONTRACTUAL CLAIM MANAGER*) Tahap 4

Masa	Objektif pengajaran	Topik/Kandungan Subjek/Silibus	Kaedah/Methodology
HARI PERTAMA			
2 Jam	Memberi kefahaman berkaitan tuntutan dan CIPAA	Pengenalan kepada Tuntutan Kontrak dan Construction Industry Payment Adjudication Act (CIPAA) oleh JKR	Syarahan
4 Jam	Kefahaman kepada peserta berkaitan tuntutan Gantirugi di bawah Undang-Undang	Tuntutan/ Gantirugi di bawah Undang-undang oleh JKR	Syarahan
HARI KEDUA			
6 Jam	Memberi kefahaman berkaitan cara-cara menyediakan kes tuntutan dan adjudikasi	Taklimat berkaitan tuntutan Kontrak bagi kes-kes tuntutan dan Adjudikasi oleh JKR	Syarahan
HARI KETIGA			
6 jam	Memberi kefahaman berkaitan cara-cara menyediakan kertas jawapan kes tuntutan dan adjudikasi	Ceramah berkaitan dengan Penyediaan Laporan Tuntutan dan Jawapan Pembelaan Adjudikasi oleh JKR	Syarahan
HARI KEEMPAT			
6 Jam	Persediaan peperiksaan dan laporan kajian kes	Kajian kes	Perbincangan / Pembentangan
HARI KELIMA			
3 jam	Peperiksaan	Ujian objektif/subjektif	Individu

**BORANG PERMOHONAN PENGURUS TUNTUTAN KONTRAK
(Diisi Oleh Calon)**

**LEKATKAN
GAMBAR
TERKINI**

TAHAP : 2 TAHAP : 3 TAHAP: 4

LALUAN KHAS TAHAP : 3 LALUAN KHAS TAHAP : 4

BAHAGIAN I : MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON

Nama Penuh		Jawatan	
No. Kad Pengenalan		Tarikh Lantikan Pertama & Gred Sekarang	
Jantina		Bahagian	
Nama & Alamat Majikan		Cawangan/ Negeri	
No. Tel (P)		No. Tel (Bimbit)	
No. Fax		Emel	
No BQSM		Bil Kakitangan Seliaan	

BAHAGIAN II : KELAYAKAN AKADEMIK

Bil	Sijil/Diploma/Ijazah/Ijazah Sarjana/PHD	Kolej/Universiti	Tahun

BAHAGIAN III : LAIN -LAIN KELAYAKAN

Bil	Kelayakan	Kolej/Universiti/Badan Iktisas	Tahun

--	--	--	--

BAHAGIAN V : SENARAI KURSUS YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 2 Sahaja)
Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah

Bil	Nama Kursus	Tarikh & Tempoh	Anjuran

BAHAGIAN VI : SIJIL TAHAP 2 YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 3 Sahaja)
Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah

Bil	Nama Kursus	Tarikh & Tempoh	Anjuran

BAHAGIAN VII : SIJIL TAHAP 3 YANG DI HADIRI (Permohonan Untuk Tahap 4 Sahaja)
Sila sertakan sesalian Sijil Kursus yang telah akui sah

Bil	Nama Kursus	Tarikh & Tempoh	Anjuran

BAHAGIAN VIII : LALUAN KHAS (Permohonan Untuk Tahap 3 Sahaja)

Bil	Nama Projek	Tajuk Laporan Penilaian Tuntutan/ Laporan Balas kes pertikaian mahkamah, timbangtara & adjudikasi (Sertakan pembuktian)

BAHAGIAN IX : LALUAN KHAS (Permohonan Untuk Tahap 4 Sahaja)

Bil	Nama Projek	Tajuk Laporan Penilaian Tuntutan/ Laporan Balas kes pertikaian mahkamah, timbangtara & adjudikasi (Sertakan pembuktian)

Tandatangan Pemohon :

Disokong/ Tidak Disokong (Ketua Bahagian)

.....

.....

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Jabatan :

Tarikh :

Cop Jabatan :

Tarikh :

LAMPIRAN 3: SENARAI SEMAK LALUAN BIASA

TAHAP 2 (KUMPULAN PELAKSANA)	
<input type="checkbox"/>	Memegang jawatan sekurang-kurangnya Penolong Juruukur Bahan Gred JA 29 (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Bekerja sebagai Penolong Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum lima (5) tahun (Sila sertakan salinan sijil kursus berkaitan)
<input type="checkbox"/>	Menghadiri kursus Pentadbiran Kontrak yang telah dikenalpasti anjuran CREATE, LBJM ataupun Swasta (Sila sertakan salinan sijil kursus berkaitan)
TAHAP 2 (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)	
<input type="checkbox"/>	Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum tiga (3) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Menghadiri kursus Pentadbiran Kontrak yang telah dikenalpasti anjuran CREATE, LBJM ataupun Swasta (Sila sertakan salinan sijil kursus berkaitan)
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
TAHAP 3 (KUMPULAN PELAKSANA)	
<input type="checkbox"/>	Bekerja sebagai Penolong Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan lapan (8) tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan atau setaraf dengannya (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional (<i>Provisional Quantity Surveyor</i>). (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 2
TAHAP 3 (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)	
<input type="checkbox"/>	Bekerja dalam sektor Kerajaan sebagai Juruukur Bahan minimum tujuh (7) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Pengalaman menguruskan pentadbiran Kontrak di peringkat pra dan pos kontrak dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (Sila sertakan surat pengesahan pengalaman oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 2

<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan LJBM sekurang-kurangnya sebagai Juruukur Bahan Provisional - <i>Provisional Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
TAHAP 4	
<input type="checkbox"/>	Bekerja sebagai Juruukur Bahan dalam sektor Kerajaan minimum sepuluh (10) tahun (Sila sertakan surat pengesahan tempoh perkhidmatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Pengalaman menguruskan pentadbiran Kontrak di peringkat pra dan pos kontrak dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (Sila sertakan surat pengesahan pengalaman oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Lulus kursus Tahap 3
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai Juruukur Bahan Profesional - <i>Professional Quantity Surveyor</i> ataupun Juruukur Bahan Konsultan - <i>Consultant Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
<input type="checkbox"/>	Sebagai penceramah/fasilitator ATAU membuat pembentangan kerja dalam bidang tuntutan di peringkat Jabatan/ Agensi/ Kementerian (Sila sertakan salinan surat perlantikan sebagai penceramah / fasilitator)
<input type="checkbox"/>	Menyediakan garis panduan ATAU menulis buku/ artikel/ lain-lain penulisan dalam bidang tuntutan di peringkat Jabatan/ Agensi/Kementerian (Sila sertakan salinan surat perlantikan AJK bagi jawatankuasa yang berkaitan)

LAMPIRAN 3: SENARAI SEMAK LALUAN KHAS

TAHAP 3	
<input type="checkbox"/>	Memegang Jawatan Juruukur bahan Gred 48, 52 atau 54 (Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Mempunyai pengalaman bekerja selama lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Dan Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan. Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; Atau Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel (Sila sertakan dokumen sokongan yang berkaitan)
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai Juruukur Bahan Profesional - <i>Professional Quantity Surveyor</i> ataupun Juruukur Bahan Konsultan - <i>Consultant Quantity Surveyor</i> (Sila sertakan salinan sijil pendaftaran LJBM)
TAHAP 4	
<input type="checkbox"/>	Memegang Jawatan Juruukur bahan Gred 48, 52 atau 54 (Sila sertakan surat pengesahan jawatan oleh Ketua Bahagian)
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai, Juruukur Bahan Profesional (<i>Professional Quantity Surveyor - PQS</i>) ataupun Juruukur Bahan Konsultan (<i>Consultant Quantity Surveyor - CQS</i>) dengan Laporan Analisa Kritikal berkaitan bidang kos pembinaan (Sila sertakan sijil pendaftaran LJBM dan salinan Laporan Analisa Kritikal)
<input type="checkbox"/>	Mempunyai pengalaman bekerja selama sepuluh (10) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional Dan Membuat satu (1) penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan atau lain-lain kepala tuntutan. Laporan penilaian tuntutan telah dibawa kepada Jawatankuasa Tuntutan; Dan Mempunyai pengalaman menyediakan laporan balas kepada pertikaian dalam kes mahkamah, timbangtara atau adjudikasi sekurang-kurangnya satu (1) projek tertakluk kepada kelulusan Ketua Panel (Sila sertakan dokumen sokongan yang berkaitan)